

Mesej Lapan

**Mengalami dan Menikmati Kristus Almuhit  
yang Merupakan Tanah Permai—  
Di Tanah Itu Kita Tidak Kekurangan Apa-apa**

Bacaan Bible: Kol. 1:12; 2:6-15, 19; Ul. 8:9; Kej. 17:1; Flp. 1:19

- I. Kristus sebagai Dia yang terunggul dan almuhit ialah bahagian peruntukan para pekudus dalam cahaya untuk pengalaman dan kenikmatan kita—Kol. 1:12:**
- A. Bahagian peruntukan merujuk kepada bahagian tanah warisan, seperti yang digambarkan oleh pembahagian tanah permai Kanaan yang diberikan kepada bani Israel untuk diwarisi mereka—Yos. 14:1.
  - B. Bahagian peruntukan bagi percayawan Wasiat Baru bukan sebidang tanah fizikal, tetapi Kristus almuhit sebagai Roh beri-hayat—Kol. 2:6-7; Gal. 3:14:
    - 1. Kekayaan tanah permai mentamsilkan kekayaan Kristus yang tidak terduga dalam pelbagai aspek sebagai perbekalan limpah lengkap kepada percayawan-Nya dalam Roh-Nya—Ul. 8:7-10; Ef. 3:8; Flp. 1:19.
    - 2. Dengan menikmati kekayaan tanah itu, para percayawan dalam Kristus dibina menjadi Tubuh Kristus sebagai rumah Tuhan dan kingdom Tuhan—Ef. 1:22-23; 2:21-22; 1 Tim. 3:15; Mat. 16:18-19; Roma 14:17.
  - C. Kita harus berada *dalam cahaya* untuk menikmati Kristus almuhit sebagai tanah permai; cahaya ialah hadirat Tuhan—Kol. 1:12; 1 Ptr. 2:9; Yes. 2:5; 1 Yoh. 1:5:
    - 1. Tuhan ialah cahaya—ay. 5.
    - 2. Sabda Tuhan ialah cahaya—Mzm. 119:105, 130.
    - 3. Kristus ialah cahaya—Yoh. 8:12; 9:5.
    - 4. Hayat Kristus ialah cahaya—1:4.
    - 5. Percayawan ialah cahaya—Mat. 5:14; Flp. 2:15.
    - 6. Gereja ialah kaki pelita yang menyinarkan cahaya—Wahi 1:20; Mzm. 73:16-17.
- II. Kolose 2:6-7 mewahikan bahawa Kristus sebagai tanah permai, yang di tanah ini kita tidak kekurangan apa-apa (Ul. 8:9), ialah tanah yang kaya; kita telah berakar di tanah ini agar kita dapat bertumbuh dengan elemen yang kita serap dari tanah itu (Ef. 3:17b):**
- A. Tuhan ialah Petani yang sebenar, dan Paulus ialah salah seorang rakan sekerjanya (1 Kor. 3:6-9; 2 Kor. 6:1a); Paulus telah menanam para percayawan ke dalam Kristus yang merupakan tanah itu.
  - B. Hari demi hari kita perlu meluangkan masa untuk menyerap Kristus, iaitu Dia yang ke dalam-Nya kita telah ditanam; kita harus meluangkan masa untuk menikmati Tuan sebagai tanah almuhit agar semua elemen daripada Kristus tanah yang kaya ini dapat diserap ke dalam kita agar kita dijadikan penuh dalam-Nya dalam pengalaman kita—Kol. 2:10a; 4:2:
    - 1. Jika kita ingin menyerap kekayaan Kristus yang merupakan tanah, kita perlu mempunyai akar yang lembut dan baru—2 Raj. 19:30; Yes. 37:31; Yer. 17:7-8; bd. Mrk. 4:16-17; 2 Kor. 4:16.
    - 2. Kita perlu lupa akan situasi kita, keadaan kita, kegagalan kita, dan kelemahan kita serta hanya meluangkan masa untuk menyerap Tuan; semasa kita meluangkan masa untuk menyerap-Nya, kita bertumbuh dengan pertumbuhan Tuhan dalam kita demi pembinaan Tubuh Kristus—Luk. 8:13; Mat. 14:22-23; 6:6; Kol. 2:7a, 19.

Mesej Lapan (sambungan)

- C. Kita tidak harus tergesa-gesa apabila kita menghubungi Tuan; sebaliknya kita harus melatih roh kita untuk kekal berada dalam hadirat Tuan untuk menyerap-Nya; kita harus meluangkan lebih banyak masa untuk menyerap Tuan—mengasih-Nya, memuji-Nya, mengucapkan syukur kepada-Nya, dan bercakap dengan-Nya secara bebas—Mzm. 27:4; Kel. 33:11, 14; Mat. 6:6; 14:22-23; Mrk. 1:35; bd. Ef. 4:20-21.
- D. Pertumbuhan Tubuh bergantung pada pertumbuhan Tuhan, pertambahan Tuhan, dalam kita secara sangat subjektif; pertumbuhan Tubuh ialah pertumbuhan pembinaan Tuhan; pembinaan gereja yang sebenar adalah melalui pertumbuhan percayawan dalam hayat—Kol. 2:19; Ef. 2:20-22; 4:16.
- III. Kolose 2:8-15 membentangkan huraian dan penerangan yang penuh tentang Kristus sebagai tanah itu; di tanah itu kita tidak kekurangan apa-apa; semasa kita meluangkan masa untuk menyerap Dia sebagai tanah yang almuhit, hakikat dalam ayat-ayat ini menjadi pengalaman kita; hakikat ada dalam Kristus, dan pengalaman adalah melalui Kristus dan bersama dengan Kristus:**
- A. Kristus sebagai tanah ialah Dia yang dalam-Nya segala kepenuhan Ketuhanan huni secara jasadi—ay. 9:
1. *Keperluan* bukan merujuk kepada kekayaan Tuhan, tetapi kepada ekspresi kekayaan Tuhan; yang huni dalam Kristus bukan sahaja kekayaan Ketuhanan, tetapi juga ekspresi kekayaan daripada apanya Tuhan—ay. 9; 1:15, 18; 3:10-11.
  2. Apabila kita berakar dalam Kristus yang merupakan tanah itu, kita dijadikan penuh dalam Dia; kita dipenuhi segala kekayaan divin untuk menjadi ekspresi-Nya—Ef. 3:8, 19.
  3. Dalam Kristus yang merupakan tanah itu, kita dipenuhi, dilengkapi, disempurnakan, dipuaskan, dan dibekali secara menyeluruh; oleh itu kita tidak kekurangan apa-apa—bd. Flp. 1:19.
- B. Kristus sebagai tanah ialah Kepala kepada semua pemerintah dan penguasa—Kol. 2:10.
- C. Dalam Kristus yang merupakan tanah, terdapatnya kudrat pembunuh, yang mematikan tubuh daging—ay. 11.
- D. Dalam Kristus yang merupakan tanah, terdapat elemen yang mengebumikan kita—ay. 12a.
- E. Dalam Kristus yang merupakan tanah, terdapat elemen yang membangkitkan kita—ay. 12b.
- F. Dalam Kristus yang merupakan tanah, terdapat elemen yang menghidupkan kita—ay. 13.
- G. Dalam Kristus yang merupakan tanah, tulisan tangan dalam ordinar dihapuskan—ay. 14.
- H. Dalam Kristus yang merupakan tanah, terdapat kemenangan atas roh-roh yang jahat di udara—ay. 15.
- IV. Selain itu, Kristus sebagai tanah itu ialah sejarah dan misteri Tuhan, beserta segala kekayaan daripada persona dan proses yang dilalui-Nya—ay. 2:**
- A. Kristus ialah Tuhan—Yoh. 1:1; 20:28-29; Yes. 9:6; Yoh. 14:9-10; 2 Kor. 3:17; 1 Kor. 15:45b; Kis. 2:36.
- B. Kristus ialah manusia—1 Tim. 2:5:
1. Dia Dutus—Ibr. 3:1.

## GARIS KASAR LATIHAN

### Mesej Lapan (sambungan)

2. Dia Penyabda—Kis. 3:22-23.
  3. Dia Penasihat—Yes. 9:6.
  4. Dia Guru—Mat. 23:8, 10.
  5. Dia Pemimpin—Ibr. 2:10.
  6. Dia Tuan—Luk. 5:5.
  7. Dia Abdi—Yes. 42:1.
  8. Dia Gembala—Yoh. 10:11.
  9. Dia Saksi—Wahi 1:5.
  10. Dia Hentar—Ibr. 7:25-26.
  11. Dia Perantara—8:6.
  12. Dia jaminan—7:22.
  13. Dia Raja—Mat. 2:2.
  14. Dia Pengantin Lelaki—Yoh. 3:29; 2 Kor. 11:2.
- C. Kristus ialah keperluan kita—Yoh. 14:6:
1. Dia cahaya kita—8:12.
  2. Dia udara kita—20:22.
  3. Dia air kita—4:14.
  4. Dia makanan kita—6:35.
  5. Dia pakaian kita—Gal. 3:27.
  6. Dia tempat tinggal kita—Yoh. 15:5.
  7. Dia kenikmatan dan istirahat kita—Kol. 2:16-17; Mat. 11:28.
- D. Kristus ialah perbekalan divin kita—1 Kor. 1:30:
1. Dia kudrat kita—ay. 24b.
  2. Dia kearifan kita—ay. 24b, 30b.
  3. Dia keadilanbenaran kita—ay. 30b.
  4. Dia kekudusan kita—ay. 30b.
  5. Dia penebusan kita—ay. 30b.
- E. Kristus adalah kepada gereja:
1. Dia Kepala kepada Tubuh—Kol. 1:18.
  2. Dia Tubuh kepada Kepala—1 Kor. 12:12.
  3. Dia asas gereja—3:11.
  4. Dia batu penjuru bagi rumah Tuhan, yakni gereja—Ef. 2:20.
  5. Dia semua anggota manusia baru—Kol. 3:10-11.
- V. **Kristus sebagai bahagian peruntukan kita, tanah permai kita yang kaya tidak terduga yang di dalamnya kita tidak kekurangan apa-apa, merupakan Tuhan kita yang maha mencukupi dan Aku Adalah yang agung, yang dapat kita alami dan nikmati hari demi hari; apanya Dia memenuhi segala keperluan kita agar kita dapat memenuhi keperluan-Nya untuk membina gereja-Nya sebagai Tubuh-Nya dan mempersiapkan gereja-Nya sebagai pengantin-Nya demi persembahannya—1:12; Ul. 8:9; Kej. 17:1; Flp. 1:19; Yoh. 8:58; Ibr. 11:6; Mat. 16:18; Wahi 19:7-9; 21:2.**